

## 1,430 premis perniagaan diperiksa sepanjang PKP



R VIDYANANTHAN

Omar Ahmad  
am@hmetro.com.my

SEBANYAK 1,430 premis perniagaan di negeri ini diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor sejak 18 Mac sehingga 8 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan berkata, ia merangkumi 1,300 peruncit, 86 pemborong utama dan 44 pengilang.

Katanya, 200 anggota penguat kuasa di semua daerah di negeri ini, terbabit membuat pemeriksaan khas sempena PKP itu.

"Pemeriksaan tertumpu bagi memastikan tindakan penguatkuasaan berjalan lancar dan tiada peniaga yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan keperluan ketika PKP.

”Bagi memastikan harga barang terkawal, pemeriksaan dilakukan di keseluruhan rangkaian pengedaran membabitkan peruncit, pemborong dan pengilang,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, sekiranya didapati ada peniaga yang cuba menaikkan harga secara mendadak.

Pihak KPDNHEP akan mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 atas kesalahan mencatat bekalan.

”Sehingga kini keadaan harga barangan adalah stabil dan tiada sebarang kenaikan harga secara mendadak dikesan sehingga kini.

”Bekalan barangan keperluan didapati mencukupi dan mudah diperoleh di pasar raya dan kedai-kedai runcit,” katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565265/1430-premis-perniagaan-diperiksa-sepanjang-pkp>

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 11 April 2020 @ 4:00 PM

